

PANELIEF EFFERVESCENT TABLET 500MG

Paracetamol 500mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Panelief Effervescent Tablet 500mg
2. Bagaimana Panelief Effervescent Tablet 500mg berfungsi
3. Sebelum menggunakan Panelief Effervescent Tablet 500mg
4. Cara menggunakan Panelief Effervescent Tablet 500mg
5. Semasa menggunakan Panelief Effervescent Tablet 500mg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Panelief Effervescent Tablet 500mg
8. Cara penyimpanan dan pelupusan Panelief Effervescent Tablet 500mg
9. Maklumat lanjut
10. Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk
11. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Panelief Effervescent Tablet 500mg

Panelief Effervescent Tablet 500mg digunakan untuk melegakan sakit ringan seperti sakit kepala, sakit gigi, sakit badan, sakit otot dan tulang, senggugut, sakit tekak, dan melegakan sakit keadaan yang berkaitan demam.

Bagaimana Panelief Effervescent Tablet 500mg berfungsi

Paracetamol berfungsi untuk menghalang penghasilan sebatian dalam badan yang dipanggil prostaglandin untuk mengurangkan kesakitan dan demam.

Sebelum menggunakan Panelief Effervescent Tablet 500mg

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan jika anda alah kepada paracetamol atau mana-mana bahan lain dalam produk. Produk ini mengandungi Aspartame. Tidak sesuai untuk fenilketonurik.

-Sebelum menggunakannya

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Panelief Effervescent Tablet 500mg sekiranya anda:

- Mempunyai masalah hati atau buah pinggang.
- Menghidapi arthritus yang tidak serius dan perlu mengambil ubat tahan sakit setiap hari

- Berat badan yang kurang atau kekurangan zat makanan
- Kerap minum alkohol
- Mengandung atau menyusui
- Mempunyai jangkitan yang teruk kerana ini boleh meningkatkan risiko asidosis metabolik. Tanda-tanda asidosis metabolik termasuk: nafas cetek, cepat, sukar bernafas, berasa sakit (loya), sakit (muntah), hilang selera makan. Hubungi doktor dengan segera jika anda terdapat gejala-gejala ini.

Setiap tablet effervescent mengandungi 329 mg natrium setiap tablet. Perlu diambil kira jika anda menjalani diet natrium terkawal.

-Jika menggunakan ubat-ubat lain

Semak dengan doktor anda sebelum menggunakan jika anda mengambil warfarin atau ubat-ubatan yang serupa yang digunakan untuk menipiskan darah.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain yang anda beli tanpa perskripsi daripada farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubat dan produk ini boleh mengganggu satu sama lain.

AMARAN

Ubat ini mengandungi PARACETAMOL. Jangan mengambil ubat lain yang mengandungi paracetamol pada waktu yang sama.

Cara menggunakan Panelief Effervescent Tablet 500mg

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa (termasuk warga tua) dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas: 1 - 2 tablet dilarutkan dalam sekurang-kurangnya setengah gelas air setiap 4 hingga 6 jam mengikut keperluan. Kanak-kanak 9 hingga 11 tahun: 1 tablet dilarutkan dalam sekurang-kurangnya setengah gelas air.

Kanak-kanak di bawah 9 tahun: Tidak disyorkan.

Dos harian maksimum

Dewasa (termasuk warga tua) dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas: 8 tablet

Kanak-kanak 9 hingga 11 tahun: 60mg/kg Paracetamol diambil dalam dos terbahagi sepanjang tempoh 24 jam (tidak lebih daripada 4 dos dalam 24 jam)

Dos terendah diperlukan untuk mencapai keberkesanan harus digunakan untuk tempoh rawatan yang paling singkat.

Untuk penggunaan oral sahaja.

Ikuti semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan berhati-hati. Ia mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan bantuan.

-Bila perlu digunakan

Diambil setiap 4 hingga 6 jam mengikut keperluan.

Jangan ambil lebih kerap daripada setiap 4 jam.

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Ambil Panelief Effervescent Tablet 500mg untuk tempoh seperti yang disyorkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan selama lebih daripada 3 hari, sila berjumpa dengan doktor.

-Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Jika hampir tiba masanya untuk dos seterusnya, tunggu sehingga kemudian untuk mengambil ubat dan langkau dos yang terlepas. Jangan ambil dos berganda untuk menebus dos yang terlepas.

-Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil lebih daripada yang sepatutnya, dapatkan nasihat

PANELIEF EFFERVESCENT TABLET 500MG

Paracetamol 500mg

perubatan dengan segera kerana risiko kegagalan hati yang mungkin memerlukan pemindahan hati atau membawa kepada kematian. Keradangan pankreas akut telah diperhatikan juga.

Produk ini mengandungi natrium bikarbonat dan dos tinggi natrium bikarbonat mungkin dijangka menyebabkan gejala gastrousus termasuk sendawa, loyan dan paras natrium yang tinggi.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda jika anda fikir atau orang lain mungkin mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Semasa menggunakan Panelief Effervescent Tablet 500mg

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda seperti yang diberitahu oleh doktor anda atau mengikut arahan pada pek. Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Panelief Effervescent Tablet 500mg.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan melebihi dos yang dinyatakan. Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Panelief Effervescent Tablet 500mg kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom yang sama seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

AMARAN ALERGI: Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk. Antara gejala-gejalanya termasuk kemerahan pada kulit, lepuh, dan ruam. Gejala-gejala seperti diatas menunjukkan tanda-tanda keadaan yang serius. Sekiranya tindak balas ini

berlaku hentikan penggunaan ubat ini dan dapatkan bantuan dengan segera. Produk ini tidak mungkin menyebabkan kesan kepada keupayaan memandu dan menggunakan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Berhenti mengambil ubat ini dan beritahu doktor anda dengan segera jika:

- Anda mengalami reaksi alahan seperti ruam kulit atau mengelupas atau ulser mulut
- Sebelum ini anda pernah mengalami masalah pernafasan dengan aspirin atau anti-radang bukan steroid, dan mengalami reaksi yang sama dengan produk ini.
- Anda mengalami lebam atau pendarahan yang tidak dapat dijelaskan.

Reaksi ini jarang berlaku. Reaksi hipersensitiviti kulit termasuk ruam kulit, bengkak di bawah kulit, sindrom Stevens Johnson/ Epidermis Toksik Necrolysis telah dilaporkan.

Seperti semua ubat, Panelief Effervescent Tablet 500mg boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Lawati doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui web nptra.gov.my [*Consumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]

Cara penyimpanan dan pelupusan Panelief Effervescent Tablet 500mg

-Penyimpanan

Jauhkan daripada kanak-kanak.

Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

Simpan di bawah suhu 30°C.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang tercetak pada karton.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda mengenai cara yang betul. Amalan ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih dan putih kepuadaran, bulat dan rata di kedua-dua belah permukaan. Apabila dilarutkan kedalam air, ia menghasilkan larutan tidak berwarna dan mempunyai aroma ciri yang khas.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Paracetamol 500mg

-Bahan tidak aktif

Citric acid anhydrous, Sodium bicarbonate, Sodium carbonate anhydrous, Povidone K30, Macrogol 6000, Sodium benzoate, Saccharin sodium, Aspartame, Lemon lime Flavour & Ethanol absolute.

-Nombor MAL

MAL *****

Pengilang

Stellapharm J.V. Co., Ltd.- Branch 1 (A Joint Venture Company of Auxilto GmbH, Germany)

No. 40 Tu Do Avenue, Vietnam – Singapore Industrial Park, An Phu Ward, Thuan An City, Binh Duong Province, Vietnam.

Pemegang Pendaftaran Produk

Aetos Pharma Sdn Bhd

66B, Tingkat 2, Jalan Cerdas, Taman Connaught, 56000 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

24/07/2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 26/147